

MASA ITULAH HIDUP

“*Wa Allāh yaqdir al-layl wa al-nahār*”

“Allah yang mengatur perjalanan malam dan siang.”

-Quran Karim.

(Oleh al-Imām a-Shahīd Ḥassan al-Bannā)

Masa itu ialah emas?

Ini betul dari segi harga kebendaan bagi mereka yang hanya mengukur wujud sesuatu benda itu dengan ukuran tersebut, tetapi yang sebenarnya masa itu ialah “hidup” bagi mereka yang memandang lebih jauh daripada itu!

Adakah hidup manusia di dalam alam al-wujud ini selain daripada “masa” yang berjalan di antara hari diperanakan dan hari mati? Emas itu akan hilang dan boleh mendapatnya sesudah itu, bahkan boleh juga mendapatnya berganda-ganda lebih daripada yang telah hilang itu. Tetapi masa yang telah pergi, dan waktu yang telah lalu, tidak akan dapat dibawa balik semula!

Yang demikian, masa itu lebih mahal daripada emas, lebih mahal daripada berlian, dan lebih mahal daripada tiap-tiap benda jua, masa itu ialah hidup.

Tidaklah kejayaan itu bergantung kepada cara yang telah diatur dengan rapi dan peluang-peluang yang terbuka sahaja, tetapi kejayaan itu bergantung kepada cara dan masa yang munasabah juga.

Kebaikan orang yang telah mengalami kerugian dan gagal usaha mereka ialah mereka yang lali, sebagaimana yang diterangkan oleh Tuhan ‘Azza wa Jalla:

“*Wa laqad dhara’nā lijahannama kathīran min al-jin wa al-ins*

lahum qulūb lā yaḥqahūna bihā wa lahum a’yun la yubṣirūna bihā wa lahum adhān la yasma’ūna bihā; ūlāika kā al-an’ām bal hum aḍall ūlāika hum al-ghāfilūn”.

“Sesungguhnya kami jadikan bagi neraka jahannam banyak dari golongan jin dan manusia iaitu mereka yang ada mempunyai hati tetapi tiada berfikir, bermata tetapi tiada mereka melihat, bertelinga tetapi tiada mereka mendengar; mereka itu seperti haiwan bahkan lebih sesat lagi, mereka itu ialah orang yang lalai”.


Sayyidina Abū Bakr al-Siddīq raḍi Allāh ‘anh selalu berdoa:

“*Allahumma lā tad’anā fi ghamratin wa lā ta’kudhnā ‘alā ghurratin wa lā taj’alnā min al-ghāfilīn*.”

“Hai Tuhan kami, janganlah kami dibiarkan di dalam lubuk kelalaian, janganlah kami dimatikan dengan mengejut, dan janganlah kami dijadikan daripada orang-orang yang lalai”.

Saidina ‘Umar raḍi Allāh ‘anh pula pernah berdoa supaya Tuhan mengurniaknya berkat di dalam segala masa yang digunakannya dan segala ketika yang baik.

Apatah lagi pada hari kiamat kelak tiap-tiap seorang akan ditanya tentang pada apakah ia telah menghabiskan umurnya, dan dari manakah ia mendapat hartanya dan pada apakah ia telah



*Makam Ibrāhīm yang tersebut di dalam Quran kelihatan tersergam dengan indahny. Di sebelahnya
Minbar Masjid al-Ḥarām, Mekah al-Mukarramah.*

membelanjakannya.

Rasulullah (SAW) telah menggambarkan harga “masa” dengan secantik-cantik gambaran sabdanya:

“Ma min yawm yanshiqu fajruhu illa wa yunādī: Ya ibnu Adam anna khuluq jadīd, wa ‘alā ‘amaluka shahīd. Fatazawwadu minnī fainnī lā a ‘ūdu illā yawm al-qiāmah”.

“Tiada suatu hari yang terpancar fajarnya melainkan ia akan menyeru: Wahai anak Adam, aku ialah makhluk baharu yang menjadi saksi atas amalmu, maka gunakanlah aku dengan sepenuhnya kerana aku tiada akan balik sehingga hari kiamat”.

Dengan apa yang tersebut, jelaslah, bahawa masa itu adalah

berperingkat-peringkat pada Sa‘ūd (kebahagiaan) dan pada berkatnya serta pada kemujurannya, iaitu ada suatu saat lebih besar berkatnya daripada saat yang lain. Ada suatu hari lebih afdal di sisi Allah daripada hari yang lain, dan ada pula bulan yang lebih mulia dari bulan yang lain.

Semuanya itu adalah menjadi peluang yang baik yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kita orang yang beriman, supaya dapat kita menghalau bayang-bayang kelalaian, dan balik kepada kesedaran, serta merebut akan limpah kurnia Tuhan ‘Azza wa Jalla dalam masa yang terkenal makbul doa di dalamnya; kerana amal yang baik adalah berganda-ganda pada saat yang berkat itu, di dalamnya

Tuhan ‘Azza wa Jalla mengangkat darjat hamba-Nya yang soleh, sebagaimana juga pada ketika atau saat itu Tuhan ‘Azza wa Jalla membuka pintu taubat dengan seluas-luasnya, supaya dapat dimasuki oleh sesiapa yang mendapat tawfiq Tuhan dari golongan orang-orang yang bertaubat dan berjuang kepada-Nya.


Di dalam al-Quran al-Karim ada diterangkan isyarat tentang “masa” yang berbahagia dan berkat itu yang boleh didapati pada tiap-tiap hari. Atau pada tiap-tiap Jumaat atau dalam tiap-tiap bulan dan tahun.

Firman Allah Ta‘ālā: *Fasubhāna Allāh hīna tumsūna wa hīna tuṣbihuna, wa lahu al-ḥamd fīal-samawāti wa al-arḍ wa ‘ashiyyan wa hīna tuḥirūna*”.


Maha Suci Allah pada petang dan pagi. Baginya kepujian, di langit dan di bumi, dan pada petang dan waktu Zuhur.

Firman-Nya lagi: *“Wadhkuru rabbaka fī naḥsaka taḍarru‘ān wa khīḥatan wa dūna al-jahr min al-qawl bi al-ghuduww wa al-aṣāl wa lā takun min al-ghāfilīn*”.

“Ingatlah Tuhanmu di dalam hati sambil merendahkan diri dan takut, dan tiada pula dengan suara yang kuat, iaitu pada waktu pagi dan petang. Janganlah engkau



Inilah dia al-Ḥajar al-Aswad yang terlekat di penjuru Kaabah. Berbahagialah orang yang mengucupnya.



Orang-orang haji sedang berjejel melontar batu di Mina

menjadi daripada orang-orang yang lalai.

Firman-Nya: *“Wa al-fajr, wa layālin ‘ashr*”.

“Demi fajar, demi sepuluh malam” (tiap-tiap bulan).

Firman-Nya lagi: *“Wadhkuru Allāh fī ayyāman ma‘dūdā*”.

“Sebutlah kamu akan Allah pada hari-hari yang tertentu”.

Junjungan kita (SAW) pula telah mengarahkan kita kepada mengutamakan harga waktu dan cara menggunakannya sebagaimana yang tersebut di dalam hadis-hadis dengan banyaknya, iaitu diisyaratkannya bahawa orang yang beriman itu terletak di antara dua ketakutan: Di antara masa dunia yang telah lalu yang tidak diketahui apa Tuhan sudah melakukan kepadanya. Dengan masa akhirat yang masih berbaki, yang tiada diketahui apa Tuhan akan menghukumkan di dalamnya. Oleh

Sambungan pada muka 28.